

# Dr. Mahathir mengajak pelabur AS lihat sendiri keadaan di Malaysia

Dari Chamil Wariya

CHICAGO 11 Okt. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberitahu para pelabur Amerika bahawa rencana atau laporan tentang Malaysia dalam majalah atau akhbar tidak akan membantu mereka membuat keputusan untuk menanam modal di negara itu.

Kata Perdana Menteri jika mereka benar-benar berminat untuk melabur, mereka perlu datang sendiri melihat iklim pelaburan yang terdapat di Malaysia; "

Perdana Menteri juga mengesyorkan mereka supaya bertemu dengan rakan-rakan mereka yang sudah menanam modal di Malaysia atau pegawai-pegawai MIDA (Pihak Berkuasa Pembangunan Industri Malaysia).

"Saya percaya anda akan mendapat gambaran yang berbeza tentang Malaysia dari apa yang anda baca sekali sekala dalam berita atau rencana yang mungkin anda temui dalam akhbar atau majalah," kata Perdana Menteri sewaktu berucap tentang peluang-peluang pelaburan di Malaysia kepada para pengusaha dan peniaga bahagian Amerika Tengah di satu majlis makan tengah hari di sini.

Dalam ucapan itu Datuk Sri Dr. Mahathir telah menerangkan sedikit latar belakang Malaysia serta kedudukan politik dan sosialnya yang stabil serta kemudahan-kemudahan tertentu seperti banyaknya bahan mentah pelepasan cukai yang memang sesuai untuk melabur.

Datuk Sri Dr. Mahathir yakin bahawa Malaysia boleh membantu Amerika untuk bersaing dengan lain-lain negara dalam pasaran antarabangsa.

Beliau juga menjelaskan bahawa dasar Malaysia untuk segera membangun tidak akan menjejaskan keuntungan yang akan mereka peroleh.

Kata Perdana Menteri walaupun motif anda untuk mencari untung dan kami untuk segera membangun tetapi keduanya tidak semestinya bercanggah.

Katanya lagi kami mempunyai bekrapa formula untuk membahagi-bagikan faedah supaya apabila anda membuat untung anda tidak akan memeras kami.

Kami menaalu - ahukan anda ke Malaysia

sebuah bumi yang menjanjikan sesuatu yang dagangan.

besar dalam mana cahaya kebendaan hidup. Menurut beliau oleh kerana Amerika juga berdagang dengan dunia luar maka ia kenalah mengadakan satu pasaran terbuka.

Terdahulu dari itu Dr. Mahathir mempunyai pasaran dalam negeri yang besar tetapi ia tidak boleh hidup terasing Amerika, tetapi katanya: "Kami kini mahu mereka melabur dalam satu bidang tertentu iaitu penerokaan sumber-sumber semula jadi kami untuk dijadikan asas bagi produk pembuatan untuk eksport".

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir dasar pengasingan tidak menguntungkan Amerika dari segi politik dan dari segi ekonomi pula Amerika juga memerlukan pasaran-pasaran asing.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberitahu bahawa dasar perlindungan Amerika hanya merugikan dirinya dalam dunia per-

Sewaktu berada di Chicago Perdana Menteri juga berdialog dengan masyarakat pelajar Malaysia. Beliau dijadual pulang ke tanahair esok melalui Tokyo.